

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (PRU 14 #kuasarakyat)

TARIKH: 14 APRIL 2018

MUKA SURAT: 14

300 rumah transit belia bakal dibina

KERAJAAN negeri kini dalam perancangan membina rumah transit khusus untuk belia di sebuah tapak berhampiran Stesen Keretapi Tanjung Malim.

Perkara itu disahkan Adun Behrang, Datuk Rusnah Kassim yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri.

Beliau berkata, pelan pembangunan untuk kemudahan itu telah mendapat kelulusan kerajaan negeri dan rumah transit sebanyak 300 buah itu, satu lagi pengiktirafan kawasan berkenaan sebagai bandar belia.

Menurutnya, kemudahan rumah transit itu akan membantu belia yang bekerja di sini mendapatkan tempat tinggal sementara, sebelum mendapat rumah lebih baik.

"Konsep rumah transit ini bukanlah dimiliki, tetapi disewa. Mana-mana belia atau mereka yang sudah berkahwin tapi belum memiliki rumah, mereka bolehlah menyewa sehingga mendapat kemampuan untuk beli rumah.

"Kita telah menerima cadangan daripada beberapa syarikat. Sekiranya berjalan lancar, kita jangkakan projek ini dapat dimulakan tahun depan," katanya.

Selain bandar belia, umum juga me-



Stesen Keretapi Tanjung Malim kini menjadi pilihan pengangkutan utama ke bandar-bandar besar.

ngetahui Tanjung Malim menerima pengiktirafan sebagai Bandar Belia Komanwel yang pertama di dunia.

Rusnah berkata, sebagai menyokong penarafan itu, kerajaan negeri telah meluluskan tapak seluas lapan ekar di kawasan Dun Behrang bagi pembinaan pejabat utama Majlis Belia Komanwel (CYC).

"Pada 2020 nanti, Malaysia menjadi tuan rumah bagi persidangan dan kita mengharapkan pada ketika itu, bangunan ini juga berjaya disiapkan bagi membolehkan persidangan pertama CYC diadakan di Tanjung Malim," katanya.

